

20 APR 2001

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, untuk lawatan sehari ke Kelantan.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan sebuah pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini, pada pukul 8.55 pagi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan para pemimpin Umno Kelantan berada di situ untuk menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri.

Dr Mahathir kemudiannya menuju ke dewan perbandaran Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB), di Jalan Mahmood di sini untuk merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 peringkat Kebangsaan pada pukul 9.30 pagi.

MSAM 2001 yang akan berlangsung sehingga 24 April ini adalah anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Persekutuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM).

Pada majlis itu, Perdana Menteri akan melancarkan amanah saham baru yang dianjurkan oleh PNB.

Dr Mahathir akan menunaikan sembahyang Jumaat bersama penduduk di Masjid Taman Uda Murni di sini sebelum menikmati makan tengah hari di kediaman bekas Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaakob di Taman Uda Murni di sini.

Majlis makan itu akan turut disertai oleh anggota jawatankuasa Masjid Uda Murni, para veteran Umno Kelantan, pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) negeri Kelantan dan wakil beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri Kelantan di tempat yang sama pada pukul 3 petang sebelum bertolak ke Kampung Ana di Tumpat untuk melawat Projek Ladang Merdeka Kampung Ana yang mengusahakan tanaman padi, pada pukul 5 petang.

Dr Mahathir kemudiannya akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua cawangan, pemuda dan wanita Umno bahagian Peringat dan Bachok di Maktab Rendah Sains Mara di Pasir Tumbuh dekat sini pada pukul 9.15 malam.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah yang mempunyai jadual berasingan pada sebelah petang, akan berada di majlis PNB Endah iaitu aktiviti bersama kanak-kanak istimewa dan anak-anak yatim di Dewan MPKB pada pukul 3 petang.

Dr Mahathir dan isteri dijangka pulang ke Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada pukul 10.45 malam.

-- BERNAMA

MNR BD PR